

03 APR 1996

MALAYSIA AKAN KAJI ADUAN AS TERHADAP MSIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji aduan yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat dalam laporan tahunan "Foreign Trade Barriers" (halangan-halangan dagangan asing) 1996 terhadap negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu mengkaji sekatan yang kita kenakan dan halangan dagangan yang dikenakan oleh AS terhadap negara ini", katanya kepada para pemberita selepas mengadakan kunjungan selamat tinggal kepada rakan sejawatannya dari Papua New Guinea, Sir Julius Chan dan isteri Lady Stella Chan yang meneruskan lawatan mereka ke Sarawak. Datin Seri Dr Siti Hasmah turut serta.

"Kalau kita ada sekatan, kita tidak tahu sama ada mereka (Amerika) akan ambil tindakan atau tidak. Kalau dia tidak ambil tindakan, tak mengapalah dia nak kata apa pun.

"Jikalau dia ambil tindakan kita pun kena ambil tindakan jugalah," kata Dr Mahathir mengulas laporan "1996 National Trade Estimate," (anggaran dagangan negara 1996) yang dikeluarkan di Washington Isnin lepas yang menyenaraikan 42 negara (termasuk Malaysia) dan empat rakan dagangan AS yang mengenakan sekatan dagangan yang amat ketara.

Sementara itu, Frank Lavin, pengarah eksekutif Pusat Dasar Asia Pasifik yang berpangkalan di Washington berkata, Amerika Syarikat telah mengemukakan aduan yang serupa terhadap Malaysia seperti tahun lepas tetapi menambah satu perkara baru, iaitu pengharaman iklan arak menerusi radio dan televisyen.

Mengenai pengiklanan di Malaysia, laporan itu menambah bahawa iklan di dalam media cetak dan papan iklan bagi semua jenis minuman keras termasuk wain akan dilarang di bawah satu peraturan baru.

"Iklan tembakau juga dihadkan; bagaimanapun, pembuat rokok berjaya mengatasi peraturan itu" dengan menyiarkan iklan bukan tembakau tetapi menggunakan jenama yang sama untuk pakaian, pakej percutian dan restoran."

Seperti tahun lalu, menurut laporan itu, "Kerajaan Malaysia mempunyai garis panduan yang tidak rasmi dan tidak jelas bahawa iklan televisyen tidak boleh menggalakkan cara hidup orang asing." -- BERNAMA

SJA SS